

21/03/2003

Pengurangan bergantung kepada dolar boleh sekat AS

Lie

NEGARA Islam perlu mengurangkan pergantungan terhadap Amerika Syarikat. Ini selaras dengan dasar yang diguna pakai oleh Presiden George W Bush yang menyebabkan keadaan politik dunia semakin sukar untuk dijangka dan tidak stabil.

Tindakan Washington dan sekutunya menyerang Iraq bukan saja akan memberi kesan kemanusiaan, malah politik dan ekonomi dunia.

Ramai pakar ekonomi menyatakan bahawa kesan kejatuhan ekonomi dunia hanya dapat dianggarkan melalui persoalan berapa lama perang Amerika terhadap Iraq berlanjutan.

Masih ada cara untuk mengelakkan perang pada masa hadapan iaitu mengurangkan pergantungan terhadap dolar Amerika.

Kebanyakan ekonomi negara dunia masa kini menyatakan pergantungan secara langsung terhadap dolar dan ekonomi Amerika sehingga negara ini sanggup menggadaikan maruah sendiri untuk menyelamatkan diri daripada kemelut ekonomi.

Ini jelas dipaparkan melalui krisis Amerika-Iraq. Kita lihat banyak negara bersifat `talam dua muka' terhadap dunia melalui tindakan mereka menyokong niat jahat Amerika menyerang Iraq.

Dalam pelbagai persidangan yang dihadiri oleh negara `talam dua muka' ini mereka kerap mengeluarkan kenyataan bersama menentang peperangan. Hakikatnya, keluar dari bilik persidangan mereka sebenarnya akan memperakukannya melalui mulut dan niat sebenarnya.

Tingkah laku negara `talam dua muka' ini berlaku kerana pergantungan ekonomi mereka terhadap Amerika. Mereka sebenarnya hilang pertimbangan dan harga diri kerana terlalu bergantung kepada Amerika. Ini seolah-olah menunjukkan, jika tiada Amerika, negara mereka akan musnah.

Negara ini pernah menyatakan pendirian bersama dalam Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali di Kuala Lumpur menentang peperangan tetapi pada masa sama bersetuju Amerika menempatkan tentera bersekutu di merata dunia.

Justeru, langkah mengurangkan pergantungan terhadap dolar Amerika perlu dilaksanakan segera.

Struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai perlu diperkukuhkan dengan mengurangkan pergantungan terhadap dolar bagi mengelak kesan yang lebih buruk akibat ketidakpastian semasa ekonomi dunia.

Saranan dan cadangan Perdana Menteri untuk menggunakan dinar emas sebagai alat perdagangan perlu diberi pujian dan sokongan meluas.

Langkah

ini bukan saja akan mengurangkan pergantungan terhadap dolar, malah menunjukkan langkah Malaysia untuk melengkapkan satu sistem ekonomi Islam.

Penggunaan dinar emas ini bukanlah bermaksud untuk mengubah Ringgit Malaysia kepada dinar emas tetapi terhadap kepada kegiatan perdagangan di

antara negara Islam, khususnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dinar emas ini akan digunakan sebagai pengganti kadar pertukaran bagi perdagangan antarabangsa kerana ia

lebih stabil dan kurang risiko akibat kegiatan spekulasi.

Selain itu, dinar emas ini tidak bergantung sepenuhnya terhadap dolar Amerika, tetapi kepada pasaran emas dunia.

Oleh itu, adalah perlu Malaysia dan Pertubuhan Persidangan Islam mempelopori usaha penggunaan dinar emas di peringkat antarabangsa bagi mengelak pergantungan terhadap dolar.

Pendekatan ini akan membawa kepada kemakmuran ekonomi sedunia tanpa bergantung terhadap Amerika.

LIE,

Sebarang Prai Utara, Pulau Pinang.